



Nestlé

Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).																													
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MALAYSIA BOLEH BERSAMA MILO.																													
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/08/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/09/2024.																													
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang sah pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan (“Peserta”).																													
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	Sila rujuk di bawah untuk senarai produk MILO yang turut serta (“Produk”): <table border="1"><thead><tr><th colspan="3">PRODUK TURUT SERTA</th></tr><tr><th>JENIS PRODUK</th><th>PENERANGAN PRODUK</th><th>PEMBUNGKUSAN</th></tr></thead><tbody><tr><td rowspan="9">SERBUK & CAMPURAN</td><td>MILO ACTIV-GO POWDER</td><td>200g, 400g, 450g, 900g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 1.5kg, 1.8kg, 2kg, 2.2kg</td></tr><tr><td>MILO HI-FIBRE</td><td>900g</td></tr><tr><td>MILO 3in1</td><td>8x33g, 14x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 26x33g, 30x33g</td></tr><tr><td>MILO Whole Grain Cereal</td><td>10x36g</td></tr><tr><td>MILO Less Sugar</td><td>10x27g</td></tr><tr><td>MILO Hi-Fibre</td><td>12x30g</td></tr><tr><td>MILO Original</td><td>14x30g, 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50</td></tr><tr><td>MILO Intense Dark Chocolate</td><td>10x33g</td></tr><tr><td>MILO Intense Dark Chocolate Tin</td><td>400g</td></tr><tr><td rowspan="2">MINUMAN TIN</td><td rowspan="2">MILO ACTIV-GO Original Can</td><td>24 x 240ml</td></tr><tr><td>4(6x240ml)</td></tr></tbody></table>	PRODUK TURUT SERTA			JENIS PRODUK	PENERANGAN PRODUK	PEMBUNGKUSAN	SERBUK & CAMPURAN	MILO ACTIV-GO POWDER	200g, 400g, 450g, 900g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 1.5kg, 1.8kg, 2kg, 2.2kg	MILO HI-FIBRE	900g	MILO 3in1	8x33g, 14x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 26x33g, 30x33g	MILO Whole Grain Cereal	10x36g	MILO Less Sugar	10x27g	MILO Hi-Fibre	12x30g	MILO Original	14x30g, 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50	MILO Intense Dark Chocolate	10x33g	MILO Intense Dark Chocolate Tin	400g	MINUMAN TIN	MILO ACTIV-GO Original Can	24 x 240ml	4(6x240ml)
PRODUK TURUT SERTA																														
JENIS PRODUK	PENERANGAN PRODUK	PEMBUNGKUSAN																												
SERBUK & CAMPURAN	MILO ACTIV-GO POWDER	200g, 400g, 450g, 900g, 1kg, 1.1kg, 1.4kg, 1.5kg, 1.8kg, 2kg, 2.2kg																												
	MILO HI-FIBRE	900g																												
	MILO 3in1	8x33g, 14x33g, 18x33g, 18+3 x33g, 18x33g Jimat RM1.50, 26x33g, 30x33g																												
	MILO Whole Grain Cereal	10x36g																												
	MILO Less Sugar	10x27g																												
	MILO Hi-Fibre	12x30g																												
	MILO Original	14x30g, 18x30g, 18+3 x30g, 18x30g Jimat RM1.50																												
	MILO Intense Dark Chocolate	10x33g																												
	MILO Intense Dark Chocolate Tin	400g																												
MINUMAN TIN	MILO ACTIV-GO Original Can	24 x 240ml																												
		4(6x240ml)																												

		MILO ACTIV-GO Original Can 20+4	24 x 240ml
		MILO ACTIV-GO Can 5+1	4(6x240ml)
		MILO ACTIV-GO Ice Can	24 x 240ml
		MILO ACTIV-GO Kaw Can	24 x 240ml
		MILO ICE 2023 LE Can	24 x 240ml
		MILO KAW 2023 LE Can	24 x 240ml
		MILO Original 2023 LE Can	4 x 6 x 240ml
		MILO Original 2023 LE Can	24 x 240ml
	MINUMAN UHT	MILO ACTIV-GO CALCIUMPLUZ UHT	4 x 6 x 200ml
		MILO ACTIV-GO UHT	4 x 6 x 200ml
		MILO ACTIV-GO UHT (5+1)	4 x 6 x 200ml
		MILO ACTIV-GO UHT	10 x 4 x 125ml
		MILO ACTIV-GO UHT	12x1L
		MILO ACTIV-GO UHT (10+2)	12x1L
		MILO ACTIV-GO UHT	5 x 8 x 125ml
	BOTOL PET	MILO PLANT BASED ACTIV-GO	12 x 1L
		MILO ACTIV-GO Original	24 x 500ml
		MILO ACTIV-GO Dairy Free Almond	24 x 225ml
			MILO ACTIV-GO BoostUp

<p>6. <u>Kaedah Penyertaan:</u></p>	<p>a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Enam Belas (RM16) (“Pembelian Minima”) mana-mana Produk dalam satu resit asal dari mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan/atau invois tangkapan skrin daripada mana-mana platform di dalam talian (“Invois”) semasa Tempoh Promosi. Sila ambil perhatian bahawa hanya pembeli Produk sahaja yang layak untuk menyertai Promosi ini.</p> <p>b. <u>Resit Outlet di dalam kedai:</u></p> <p>i. Resit boleh didapati berupa resit bercetak dari sistem <i>point-of-sale</i> dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.</p> <p>ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”).</p> <p>c. <u>Invois Peniaga Dalam Talian:</u></p> <p>i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau lain-lain diskaun,</p>
--	--

jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minima dan ke atas untuk layak.

- ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”).
- d. Bagi Peserta dengan pembelian dari outlet 99Speedmart ("Eksklusif di 99Speedmart"), semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah tambahan. Sila rujuk klausa 13 hingga 15.
- e. Semasa proses pemilihan Finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit dan/atau Invois (“Bukti Pembelian”) yang diserahkan sehingga maksima lima belas (15) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Bukti Pembelian telah diperuntukkan. Bagi setiap jumlah Produk Ringgit Malaysia Enam Belas (RM16), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.

Contoh:

Jika anda membeli dalam setiap Bukti Pembelian, semasa Tempoh Promosi:

- Jumlah Produk RM16.50, Penganjur akan memperuntukkan 1 nombor bersiri.
- Jumlah Produk RM185.00, Penganjur akan memperuntukkan 11 nombor bersiri.
- Jumlah Produk RM280.00, Penganjur akan memperuntukkan 15 nombor bersiri.

- f. Terdapat dua (2) kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu sama ada **melalui Laman Web atau melalui WhatsApp**. Semua kaedah penyertaan lain akan dibatalkan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk **satu (1) penyertaan Laman Web ATAU satu (1) penyerahan penyertaan WhatsApp**.
- g. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak jelas, rosak, diubah dan/atau diubah suai dalam apa jua cara tanpa notis lanjut kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur juga boleh, tanpa notis lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.
- h. Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web:
 - i. Lawati Laman Web Promosi di:
<https://www.milo.com.my/malaysia-boleh-bersama-milo-2024> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta dan lengkapkan borang Web.

- ii. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan (“Butiran Peribadi”) pada Borang Web termasuk nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya.
 - iii. Tangkap satu (1) gambar/imej jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png (“Imej”) Bukti Pembelian yang lengkap dengan butiran yang diperlukan.
 - iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB.
 - v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’ (“Penyertaan”).
 - vi. Anda akan menerima laporan perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang berjaya dihantar.
- i. Penyerahan penyertaan melalui WhatsApp:
- i. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png (“Imej”) Resit lengkap dengan Butiran Resit (“Imej”).
 - ii. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB.
 - iii. Hantar Imej melalui WhatsApp ke **6018 388 6332** menggunakan nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia.
 - iv. Anda akan menerima mesej auto-balas yang mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh, No Pengenalan dan Negeri Kediaman anda (“Butiran Peribadi”) serta-merta mengikut format: **#NAMA PENUH#NO PENGENALAN#NEGERI KEDIAMAN** untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda (“Penyertaan”).
Contoh: Taip: *#OMAR BIN AHMAD#010801145895#SELANGOR* dan hantar.
 - v. Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan seterusnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan pada mulanya.
 - vi. Mesej perakuan auto-balas akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor mudah alih sahaja.
- j. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan, pengesahan dan kelayakan selanjutnya. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan nama penuh Peserta, nombor pengenalan dan nombor mudah alih yang diserahkan. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.
- k. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.

<p>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/09/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>8. <u>Hadiah Penyertaan Awal Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah satu ribu dua ratus (1200) Hadiah Penyertaan Awal Mingguan berupa satu (1) unit Koleksi Lori MILO Edisi Khas Warisan Malaysia (“Koleksi Lori MILO”) untuk dimenangi setiap minggu selama sembilan (9) minggu berturut-turut.</p> <p>b. Koleksi Lori MILO tersedia dalam empat (4) rekaan berbeza dan setiap rekaan boleh dimenangi dalam tempoh yang ditetapkan. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan empat (4) rekaan/tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Rekaan A adalah dari Minggu 1 hingga Minggu 3: 01/08/2024 – 21/08/2024, Rekaan B adalah dari Minggu 4 hingga Minggu 5: 22/08/2024 – 04/09/2024, Rekaan C adalah dari Minggu 6 hingga Minggu 7: 05/09/2024 – 18/09/2024, dan Rekaan D adalah dari Minggu 8 hingga Minggu 9: 19/09/2024 – 30/09/2024.</p> <p>c. Terdapat sejumlah sepuluh ribu lapan ratus (10800) Hadiah Penyertaan Awal Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>d. Setiap minggu, seribu dua ratus (1200) Penyertaan layak unik yang pertama diterima akan memenangi satu (1) Hadiah Awal Mingguan. Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu (1) unit daripada setiap rekaan/tempoh mingguan. Secara keseluruhan, setiap Peserta boleh memenangi satu (1) set daripada kesemua empat (4) rekaan berbeza bagi Koleksi Lori MILO.</p>
<p>9. <u>Hadiah Pertama Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah tiga (3) Hadiah Pertama Mingguan berupa satu (1) rekaan Lori Emas MILO Edisi Terhad (emas 999.9 – lebih kurang 5gm) bernilai RM4300* setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan (9) minggu berturut-turut. <i>*Nilai Lori Emas MILO Edisi Terhad adalah betul pada masa cetakan. Nilai emas adalah mengikut harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada pembungkusan.</i></p> <p>b. Lori Emas MILO Edisi Terhad tersedia dalam empat (4) rekaan berbeza dan setiap rekaan boleh dimenangi dalam tempoh yang ditetapkan. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan empat (4) rekaan/tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Rekaan A adalah dari Minggu 1 hingga Minggu 3: 01/08/2024 – 21/08/2024, Rekaan B adalah dari Minggu 4 hingga Minggu 5: 22/08/2024 – 04/09/2024, Rekaan C adalah dari Minggu 6 hingga Minggu 7: 05/09/2024 – 18/09/2024, dan Rekaan D adalah dari Minggu 8 hingga Minggu 9: 19/09/2024 – 30/09/2024.</p> <p>c. Terdapat sejumlah dua puluh tujuh (27) Hadiah Pertama Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>

<p>10. <u>Maklumat</u> <u>Pengadilan –</u> <u>Hadiah</u> <u>Pertama</u> <u>Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Pertama Mingguan, Penganjur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya setiap minggu, mengikut Produk yang dibeli sebagai dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak Mingguan ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan untuk minggu tersebut ialah 1501, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan tiga (3) Hadiah Pertama Mingguan: $1501 \div 3 = 500.33$. Oleh sebab pembahagian 1501 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 500.33 akan dibundarkan ke bawah kepada 500. Tiga (3) peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 500*, 1000* dan 1500 (*contoh pengiraan: <u>500</u>, $500+500=1000$).</p>
<p>11. <u>Hadiah</u> <u>Utama</u> <u>Bulanan:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah tiga (3) Hadiah Utama Bulanan berupa satu (1) rekaan Lori Emas MILO Edisi Terhad (emas 999.9 – lebih kurang 10gm setiap satu) bernilai RM28,000* setiap set <u>DAN</u> satu Pengaktifan Lori MILO dengan minuman MILO PERCUMA di lokasi pilihan anda untuk dimenangi setiap bulan untuk dua (2) bulan berturut-turut. <i>*Nilai Lori Emas MILO Edisi Terhad adalah betul pada masa cetakan. Nilai emas adalah mengikut harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada pembungkusan.</i></p> <p>b. Pengaktifan Lori MILO dengan minuman MILO PERCUMA di lokasi pilihan anda memerlukan Pemenang sama ada untuk menganjurkan perhimpunan peribadi atau memilih sebuah acara tempatan di sebuah lokasi di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 100 tetamu (umur 7 tahun dan ke atas) ("Acara"). Hadiah Utama akan termasuk yang berikut:</p> <p>i. Penganjur akan menghantar satu (1) Lori Persampelan MILO ke Acara Pemenang untuk menyajikan minuman MILO sehingga maksima 5000 cawan minuman MILO;</p> <p>ii. Semua Pemenang akan tertakluk kepada satu set terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penganjur untuk menganjurkan Acara. Semua Pemenang mesti menggunakan Hadiah Utama dan menganjurkan Acara sebelum 31/12/2024. Mana-mana Hadiah Utama yang tidak dituntut selepas tarikh akhir ini akan dibatalkan.</p> <p>iii. Penganjur berhak untuk menolak sebarang Acara yang dianggap tidak sesuai, yang mungkin termasuk acara yang mungkin sensitif atau melibatkan unsur politik, mengikut budi bicara mutlaknya.</p>

	<p>iv. Untuk mengelakkan keraguan, sebagai penganjur Acara, Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua aspek penganjuran Acara atau sebarang liabiliti yang mungkin timbul daripada Acara tersebut.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan dua (2) tempoh bulanan adalah seperti di bawah: Bulan 1: 01/08/2024 – 31/08/2024 Bulan 2: 01/09/2024 – 30/09/2024</p> <p>a. Terdapat sejumlah enam (6) Hadiah Utama Bulanan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
<p>12. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Utama Bulanan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama Bulanan, Penganjur akan susun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Bulanan, mengikut Produk yang dibeli sebagai dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak Bulanan ("Jumlah Penyertaan Layak Bulanan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan ialah 30001, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga (3) Finalis Hadiah Utama Bulanan: $30001 \div 3 = 10000.33$. Oleh sebab pembahagian 30001 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 10000.33 akan dibundarkan ke bawah kepada 10000. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 10000*, 20000* dan 30000* (*contoh pengiraan: <u>10000</u>, $10000+10000=20000$, $20000+10000=30000$).</p>
<p>13. <u>Hadiah Penyertaan Awal Mingguan - Eksklusif di 99Speedmart:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah dua ratus (200) Hadiah Penyertaan Awal Mingguan Eksklusif di 99Speedmart berupa satu (1) unit Koleksi Lori MILO Edisi Khas Warisan Malaysia ("Koleksi Lori MILO") untuk dimenangi setiap minggu selama sembilan (9) minggu berturut-turut.</p> <p>b. Koleksi Lori MILO tersedia dalam empat (4) rekaan berbeza dan setiap rekaan boleh dimenangi dalam tempoh yang ditetapkan. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan empat (4) rekaan/tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Rekaan A adalah dari Minggu 1 hingga Minggu 3: 01/08/2024 – 21/08/2024, Rekaan B adalah dari Minggu 4 hingga Minggu 5: 22/08/2024 – 04/09/2024, Rekaan C adalah dari Minggu 6 hingga Minggu 7: 05/09/2024 – 18/09/2024, dan Rekaan D adalah dari Minggu 8 hingga Minggu 9: 19/09/2024 – 30/09/2024.</p>

	<p>c. Terdapat sejumlah satu ribu lapan ratus (1800) Hadiah Penyertaan Awal Mingguan Eksklusif di 99Speedmart untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>d. Setiap minggu, dua ratus (200) Penyertaan layak unik pertama dengan Resit 99Speedmart diterima akan memenangi satu (1) Hadiah Awal Mingguan 99Speedmart. Setiap Peserta hanya boleh memenangi satu (1) unit daripada setiap rekaan/tempoh mingguan. Secara keseluruhan, setiap Peserta boleh memenangi satu (1) set daripada kesemua empat (4) rekaan berbeza bagi Koleksi Lori MILO.</p>
<p>14. <u>Hadiah Pertama Mingguan - Eksklusif di 99Speedmart:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah satu (1) Hadiah Pertama Mingguan Eksklusif di 99Speedmart berupa satu (1) rekaan Lori Emas MILO Edisi Terhad (emas 999.9 – lebih kurang 5gm) bernilai RM4300* setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan (9) minggu berturut-turut. <i>*Nilai Lori Emas MILO Edisi Terhad adalah betul pada masa cetakan. Nilai emas adalah mengikut harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada pembungkusan.</i></p> <p>b. Lori Emas MILO Edisi Terhad tersedia dalam empat (4) rekaan berbeza dan setiap rekaan boleh dimenangi dalam tempoh yang ditetapkan. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan empat (4) rekaan/tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Rekaan A adalah dari Minggu 1 hingga Minggu 3: 01/08/2024 – 21/08/2024, Rekaan B adalah dari Minggu 4 hingga Minggu 5: 22/08/2024 – 04/09/2024, Rekaan C adalah dari Minggu 6 hingga Minggu 7: 05/09/2024 – 18/09/2024, dan Rekaan D adalah dari Minggu 8 hingga Minggu 9: 19/09/2024 – 30/09/2024.</p> <p>c. Terdapat sejumlah sembilan (9) Hadiah Pertama Mingguan Eksklusif di 99Speedmart untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
<p>15. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Pertama Mingguan - Eksklusif di 99Speedmart:</u></p>	<p>a. Untuk memilih Hadiah Pertama Mingguan Eksklusif di 99Speedmart, SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit 99Speedmart akan dikumpul dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang tempoh mingguan mengikut Resit 99Speedmart yang diserahkan (setiap satu "Penyertaan Layak 99Speedmart" dan secara kolektif "Penyertaan Layak 99Speedmart"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak 99Speedmart bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak 99Speedmart akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak 99Speedmart ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan 99Speedmart"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan 99Speedmart untuk minggu tersebut ialah <u>1803</u>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p>

	<p>i. Pemilihan mingguan satu (1) Finalis Hadiah Pertama Mingguan Eksklusif di 99Speedmart: $1803 \div 2 = 901.5$. Oleh sebab pembahagian 1803 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 901.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 901. Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri 901 akan dipilih.</p>
<p>16. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari 6018 388 6332 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi melalui WhatsApp atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap Peserta boleh di sepanjang Tempoh Promosi memenangi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. satu (1) Hadiah Pertama Mingguan, ii. satu (1) set (4 rekaan) daripada Hadiah Penyertaan Awal Mingguan, dan iii. satu (1) Hadiah Utama Bulanan, iv. satu (1) Hadiah Pertama Mingguan Eksklusif di 99Speedmart, dan v. satu (1) set (4 rekaan) daripada Hadiah Penyertaan Awal Mingguan Eksklusif di 99Speedmart. <p>c. Semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.</p> <p>d. Penganjur berhak untuk meminta penyerahan salinan cetak asal Bukti Pembelian daripada Pemenang untuk pengesahan sebelum pemenuhan Hadiah. Kegagalan untuk menyerahkan Bukti Pembelian asal atas permintaan akan menyebabkan kehilangan kelayakan dan pembatalan. Selepas pengesahan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang belum dibeli.</p> <p>e. Semua Pemenang Hadiah emas akan menerima surat pengakuan Pemenang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. Pemenang dikehendaki mengambil Hadiah mereka di cawangan Habib Jewel terpilih seperti yang dinyatakan dalam surat pengakuan Pemenang. Penganjur akan memilih cawangan Habib Jewel yang paling hampir dengan alamat yang disediakan oleh Pemenang.</p>

	<p>f. Semua Pemenang Hadiah bukan emas akan menerima Hadiah mereka melalui kurier dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.</p> <p>g. Semua Pemenang Hadiah Utama Bulanan akan dihubungi oleh Penganjur untuk pemenuhan Hadiah dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.</p> <p>h. Penganjur berhak untuk memanjangkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>i. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>j. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada.</p> <p>k. Pengumuman pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur: https://www.milo.com.my/malaysia-boleh-bersama-milo-2024 enam (6) ke lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi.</p>
--	---

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.milo.com.my/malaysia-boleh-bersama-milo-2024>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma

dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk

perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.

12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.

